

! Part 39

Uapan, AD46  
530  
149/80

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia, Inche Hussein Onn, dalam perjumpaan dengan penuntut2 Malaysia di-Jakarta pada 23.5.72 jam 4.30 petang waktu Malaysia Barat

---

Terlebeh dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli2 Jawatankuasa yang menganjorkan perjumpaan dengan penuntut2 Malaysia yang berada di-sekitar Jakarta pada petang ini. Perjumpaan seperti ini sangat2 kami hargai, lebeh2 lagi menemui penuntut2 kita yang berada jauh dari luar tanah ayer sendiri.

Hari ini ia-lah hari yang ketiga saya berada di-Ibu Negara Republik Indonesia dan telah sempat mengadakan rundingan2 yang berguna dengan Bapak Mashuri SH, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia termasuk juga pegawai2 tinggi Kementerian itu.

Saya di-fahankan bahawa hingga akhir Mach, 1972, jumlah penuntut2 Malaysia yang berada di-Republik Indonesia mengikut laporan Jabatan Penuntut Malaysia di-Jakarta ini ia-lah seramai 701 orang. Jumlah ini suka saya terangkan termasuk-lah penuntut2 dari Sekolah2 Menengah, Maktab2 dan Universiti2. Dari jumlah ini 287 orang ia-lah penuntut2 yang mendapat biasiswa Kerajaan kita.

Kita sama2 maalom bahawa penuntut2 Malaysia telah datang belajar di-Indonesia ini semanjak berpuluh2 tahun yang lampau. Kebanyakan mereka yang datang dahulu itu ada-lah mereka yang lulus dari Sekolah2 Arab di-Malaysia dan tidak dapat melanjutkan pelajaran di-Universiti2 di-Malaysia.

Saya sedar bahawa usaha saudara sekalian hendak melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang boleh menolong diri sendiri, negara dan nusa, ada kala-nya menghadapi beberapa kesulitan. Separoh daripadanya dapat di-atasi dan sebahagian yang lain pula terus menyulitkan suasana pengajian penuntut2 itu. Pada petang ini izinkan saya mengulangi apa yang telah di-nyatakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Tun Dr. Ismail kepada saudara sekalian ketika beliau berchakap dan menemui saudara2 baru2 ini. Antara lain kata-nya, "Biar lah kursus2 yang saudara ikuti di-sini lebeh berfaedah dan yang boleh menandingi ijazah2 yang dapat di-tawarkan oleh Universiti2 di-tanah ayer kita sendiri. Suka saya nyatakan bahawa di-negara kita telah ada empat buah Universiti pada ketika ini, ia-itu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia

di-Pulau Pinang, Universiti Kebangsaan dan Instituti Teknologi Kebangsaan, dahulu di-kenali sebagai Maktab Teknik, tetapi dari bulan Mac lalu taraf-nya telah di-naikkan ke-taraf sebuah Universiti. Pada tahun hadapan sebuah lagi Universiti, ia-itu Universiti Pertanian akan kita tubuhkan. Dengan ada-nya Universiti2 baru di-bena, maka peluang penuntut2 Malaysia mendapatkan pelajaran tinggi ada-lah bertambah baik dari setahun ke-satahun.

Di-samping itu juga Kerajaan tiap2 tahun menguntukkan ber-juta2 ringgit bagi biasiswa/dermasiswa/hadiah bantuan latehan. Pada tahun ini sahaja kita menyediakan \$15 juta untuk pengajian ijazah di-Universiti2 tempatan dan di-luar negeri. Bilangan yang di-keluarkan ia-lah sebanyak 624 bagi Ijazah Pertama dan sebanyak 374 bagi Kursus Ijazah lanjutan termasuk mendapatkan Diploma Pendidikan. Mengenai biasiswa/dermasiswa/hadiah bantuan, suka saya nyatakan di-sini bahawa bukan semua yang meminta akan mendapat-nya, melainkan penohon dapat menepahi syarat2 yang di-tentukan. Oleh kerana itu lah banyak rakyat negara kita mengeluarkan belanja sendiri untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Sungguh pun demikian Kerajaan kita telah dapat menambah bilangan penuntut2 yang belajar di-Indonesia dengan biasiswa Kerajaan dari 49 orang pada tahun 1969, kepada 204 orang lagi tahun 1970 dan 1971.

Dalam perjumpaan petang ini, saya suka menyentuh mengenai kebajikan penuntut2 kita di-luar negeri. Ada-lah menjadi hasrat Kerajaan hendak mengadakan segala kemudahan kepada mereka, tetapi oleh kerana beberapa sebab yang tertentu, maka tidak semua penuntut2 kita di-luar negeri dapat kemudahan2 itu. Untuk tujuan ini Kementerian Pelajaran pada tahun 1972 ini, telah mendapat peruntukkan \$2.8 juta. Wang yang sebanyak itu ia-lah untuk membiayai Jabatan2 Penuntut, Asrama2 dan Pusat2 penuntut kita di-luar negeri.


Pada masa ini kita mempunyai 4 Jabatan Penuntut di-luar negeri ia-itu di-London, Australia, Indonesia dan New Zealand. Sementara Asrama2 Penuntut di-luar negeri 4 buah juga ia-itu Dewan Malaysia di-London, Dublin dan Belfast dan Asrama Penuntut2 di-Kaherah.

Dalam perjumpaan dengan penuntut2 sekalian, saya suka mengumumkan bahawa sebuah Dewan Malaysia akan di-bena di-Jakarta ini. Tapak bangunan ini telah di-shorkan oleh Pengarah, Jabatan Penuntut Malaysia di-Indonesia dan cadangan ini juga mendapat persetujuan Kementerian Luar Negeri dan Persatuan Kebangsaan Pelajar2 Malaysia di-Indonesia cabang Jakarta.

Peruntokan sebanyak \$400,000 telah di-perolehi untuk membina sebuah bangunan mengandungi asrama, kamar makan, perpustakaan, dewan dan pejabat untuk Jabatan Penuntut Malaysia. Ada-lah di-jangkakan bahawa Dewan Malaysia ini akan dapat menempatkan di-antara 80 hingga 100 orang pelajar. Dengan ada-nya Dewan Malaysia ini, kesulitan tempat tinggal untuk sebahagian daripada penuntut2 kita di-sini akan dapat di-atasi. Saya jangka bangunan ini akan siap tidak berapa lama lagi dan apabila siap di-gunakan, di-harap penuntut2 kita akan menjaga-nya baik2 dan gunakan-lah kemudahan2 yang akan di-adakan seperti Perpustakaan dan Dewan untuk membinasakan masalah2 pelajaran dan juga untuk bertukar2 pendapat antara satu dengan lain. Ada lah menjadi harapan Kerajaan dan rakyat negara kita agar penuntut2 sekalian menumpukan sapaenak masa kepada pelajaran dan apabila boleh nanti dengan ilmu pengetahuan yang di-perolehi di-sini dapat memberikan khidmat kepada negara dan memimpin masyarakat mencapai kehidupan yang lebih baik dan mulia daripada yang ada hari ini.

Saya tidak berhajat berchakap lebih panjang lagi, tetapi memadai-lah saya katakan di-sini bahawa penuntut2 sekalian mempunyai tanggung-jawab yang berat kepada negara dan masyarakat kita. Oleh itu berwaspada-lah dan gunakan masa muda ini dengan sebrik2 nya untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang sempurna. Saya anggap penuntut2 sekalian sebagai duta kecil negara kita. Oleh itu jaga-lah nama baik Malaysia dan hidup belajar dalam aman tenteram antara satu dengan lain.

Akhir kata, saya berasa gembira dapat menemui saudara2 sekalian dan di-harap dapat bertemu kembali sama-ada di-Malaysia sesudah tamat pelajaran masing2 atau pun dalam lawatan saya ke-Indonesia pada satu masa yang akan datang.





No. Siri ..... 106  
No. Penerimaan ..... 106/80